

**NO. SOALAN : 277**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK**

**TARIKH :**

**SOALAN : 281**

**Tuan Loke Siew Fook (Seremban) minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci bagaimanakah peruntukan RM100 juta di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India dilaksanakan dan siapa yang mengendalikan peruntukan tersebut.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) telah ditubuhkan pada 2 Mei 2014 di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk mengendalikan peruntukan kerajaan bagi menjalankan program intervensi strategik demi meningkatkan status sosioekonomi masyarakat India, khasnya golongan B40 (pendapatan isi rumah 40% ke bawah). Objektif utama SEDIC adalah memastikan bantuan dana yang disalurkan oleh kerajaan kepada masyarakat India ditadbir urus dengan efisien, integriti, mencapai kumpulan sasaran, membawa impak positif kepada kumpulan sasaran dan dipantau secara holistik.

Fungsi SEDIC adalah untuk mempelawa cadangan projek, menyemak, menilai, melulus dan mengedarkan dana serta memantau pelaksanaan program-program pembangunan sosioekonomi masyarakat India melalui peruntukan kewangan daripada Kerajaan. Setiap cadangan projek yang diterima dinilai secara rapi melalui tiga peringkat sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Perdana Menteri seperti di bawah:

(i) Peringkat Pegawai

Penilaian dari segi kelengkapan dokumen, tempoh pelaksanaan dan kesesuaian program mengikut skop cadangan yang ditawarkan.

(ii) Peringkat Pengarah

Penilaian dari segi kesesuaian program dan keperluan sesuatu program kepada masyarakat di kawasan yang disasarkan, keupayaan pemohon, kepakaran pelaksana projek, pengalaman pemohon dalam bidang yang dipohon, kawasan kumpulan sasar.

(iii) Peringkat Jawatankuasa Penilaian Program

Pembentangan program pada Jawatankuasa Penilaian Program (JPP) yang dianggotai oleh wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, dan agensi-agensi lain mengikut keperluan. JPP menilai dan memperaku program, bilangan peserta, lokasi program dan jumlah peruntukan.

Program-program yang diperaku oleh JPP dan YAB Perdana Menteri seterusnya dikemukakan untuk tujuan pengedaran dana setelah SEDIC bagi pihak Kerajaan mendandatangani Perjanjian Persefahaman dengan pemohon yang berjaya. Sekiranya pemohon merupakan Badan Bukan Kerajaan, dana disalurkan melalui sistem pemindahan dana elektronik (*Electronic Fund Transfer - EFT*) Bahagian Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri. Sekiranya pemohon merupakan Institut Latihan Kemahiran Swasta, maka proses penyaluran dana melalui beberapa lagi peringkat seperti memperoleh kelulusan Kementerian Kewangan untuk mengadakan rundingan terus, mengadakan rundingan harga dengan

pihak pemohon untuk mendapatkan harga terbaik yang menguntungkan Kerajaan, membentangkan hasil rundingan harga pada Lembaga Perolehan Jabatan Perdana Menteri untuk memuktamadkan harga. Berdasarkan keputusan Lembaga Perolehan Jabatan Perdana Menteri, dana disalurkan secara berperingkat melalui sistem EFT Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri.

Kesemua program yang diluluskan peruntukan Kerajaan dipantau secara rapi secara tanpa notis, berjadual dan dengan menjemput pelaksana program membentangkan prestasi program secara berkala setiap 3 bulan. Pemantauan dilaksanakan oleh SEDIC, Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri, Unit Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan Akauntan Negara mengikut keperluan.

Dana berjumlah RM100 juta yang diterima pada tahun 2015 telah disalurkan kepada 379 program melibatkan 330 badan NGO. Senarai badan/organisasi boleh didapati di laman sesawang SEDIC iaitu [www.sedic.my](http://www.sedic.my)

Sekian, terima kasih.